

Headline	Pastikan fungsi hutan terus relevan		
MediaTitle	Utusan Sarawak	Color	Black/white
Date	18 May 2016	Circulation	37,981
Section	TEMPATAN	Readership	113,943
Page No	5	ArticleSize	345 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 1,129
Journalist	LIONG CHAI LING	PR Value	RM 3,387
Frequency	Daily (EM)		



RASMI... Sapuan Ahmad (kiri) memukul gong sebanyak tiga kali simbolik perasmian Bengkel Pembangunan Hala Tuju Nasional Mengenai Perhutanan Sosial di Sarawak, semalam.

## Pastikan fungsi hutan terus relevan

LIONG CHAI LING

MIRI: Usaha pemuliharaan hutan amat penting bagi memastikan fungsi hutan kepada masyarakat terus relevan dan dipelihara.

Pengarah Jabatan Hutan Sarawak (JHS), Sapuan Ahmad berkata, kerajaan memandang serius peranan yang disumbangkan oleh perhutanan sosial dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat terutama yang tinggal di luar bandar.

Beliau berkata, JHS sudah melaksanakan aktiviti perhutanan sosial sejak tahun 1977 lagi melalui perlaksanaan program pemuliharaan dan perhutanan semula.

"Program ini bertujuan untuk menghijau dan memuliharkan kawasan-kawasan hutan yang terjejas akibat aktiviti pertanian pindah terutama di kawasan hutan kekal supaya men-

jadi lebih produktif.

"Sejajar dengan keperluan dan fokus kerajaan untuk memberi perhatian kepada keperluan masyarakat setempat, Unit Inisiatif Khidmat Komuniti yang ditubuhkan pada tahun 2011 kini dinaik taraf kepada Bahagian Perhutanan Sosial pada April lepas," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis perasmian Bengkel Pembangunan Hala tuju Nasional Mengenai Perhutanan Sosial di Sarawak di sebuah hotel di sini, kelmarin.

Beliau berkata, selaras usaha-usaha berkenaan, pelaksanaan bengkel tersebut merupakan satu platform terbaik untuk memajukan perhutanan sosial di Sarawak selaras definisi dan hala tuju nasional yang bakal diwujudkan.

Bengkel anjuran Jabatan Hutan Sarawak itu diadakan dengan sokongan NRE, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), ASEAN Social Forestry Network (ASFN) dan

Southeast Asian Regional Center for Graduate Study and Research in Agriculture (SEARCA).

Bengkel berkenaan diadakan untuk merangka Definisi dan Pelan Tindakan Perhutanan Sosial di Sarawak khususnya dan Malaysia amnya.

Hasil dari bengkel itu juga akan digabungkan dan diselaraskan bersama dengan hala tuju Perhutanan Sosial di Sabah dan Semenanjung Malaysia bagi membentuk satu Hala tuju Perhutanan Sosial di Malaysia.

Seramai 60 peserta bengkel terdiri daripada jabatan, agensi kerajaan, sektor swasta, badan-badan bukan kerajaan (NGO), akademik dan orang kampung menghadiri bengkel tiga hari yang berlangsung sebuah hotel di sini hingga Khamis ini.

Hadir sama, Pemangku Timbalan Pengarah Hutan 1, merangkap pengurus bengkel, Jack Liam, Moderator bengkel, Dr Lim Fah Hui dan ketua-ketua jabatan dan swasta.